

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	05 DECEMBER 2016

SIAPA SEBENARNYA ANDA? *UM-5/12/2016*

INI cetusan nurani buat Dr. Mahathir Mohamad. Dengarkanlah. Apabila anda menyertai perhimpunan Bersih tahun lepas, anda sudah lari daripada landasan prinsip sendiri. Biar apa pun alasannya termasuk perubahan pendirian politik, mengapa perlu menjilat ludah sendiri. Kini segala-galanya mahu anda wajarkan, matlamat menghalalkan cara yang tidak boleh diterima.

Anda bercakap tentang integriti tetapi bersih sangatkah anda? Anwar Ibrahim sudah sekian lama membangkitkan kekayaan luar biasa keluarga anda, anak-anak dan kroni, yang setakat ini anda gagal jelaskan. Berbilion wang hilang dalam banyak skandal dan kepincangan sepanjang 22 tahun pentadbiran anda. Tanpa rasa malu, anda hasut rakyat ke perhimpunan jalanan yang suatu ketika anda jijikkan. Pemerintahan anda yang pernah dilabel oleh DAP dan PKR sebagai diktator dan mahafiraun, terselamat daripada ledakan demi ledakan perhimpunan seumpama itu kerana majoriti rakyat bersama anda.

Semalam, anda sekali lagi sertai perhimpunan itu, yang dikuasai penyokong DAP dengan memakai baju kuning. Terlalu banyak penghinaan DAP terhadap agama dan bangsa selain agenda rasis tahap tertinggi yang memudaratkan negara. Sejarah teras dan perlembagaan mahu ditulis semula mengikut agenda *Malaysian Malaysia*. Lim Kit Siang dan anaknya Lim Guan Eng menghitung hari untuk melihat kejatuhan kuasa politik Islam di tanah air ini, itulah yang anda selalu pesan kepada orang Melayu.

Rupa-rupanya anda yang mudah lupa. Amarah dan dendam menguasai diri. Tidak hairan mengapa pemimpin Pas termasuk Nik Abdul Nik Aziz seru

anda bertaubat, belajar agama dan mencermiri diri. Anda pernah berulang kali menegaskan bahawa perhimpunan haram termasuk Bersih adalah ancaman kepada rakyat dan sistem demokrasi.

Anda juga pernah memberi peringatan bahawa Bersih adalah alat agenda asing yang menggunakan parti pembangkang bagi mencapai matlamat menggulingkan kerajaan di luar proses demokrasi. Tiba-tiba hartawan George Soros yang anda label sebagai musuh utama negara dan telah terbukti membiayai Bersih, kini anda senangi.

Mana harga diri anda dalam mempertahankan kedaulatan?

Sebagai pemimpin, kita bukan dinilai dengan apa yang kita mulakan tetapi bagaimana pengakhiran kita, janganlah sampai menghina diri. Malah anda pernah beberapa kali menyatakan pemimpin yang bersekongkol dengan gerakan Bersih adalah pengkhianat kepada negara. Mengapa anda tidak menunggu sahaja pilihan raya umum, dengan menyakini kuasa penentuan rakyat di peti undi.

Bukan sebaliknya membuka lebih luas campuran asing melalui perhimpunan ala *Arab Springs*, yang telah meranapkan beberapa negara Islam. Banyak tamadun dunia runtuh angkara pengkhianatan. Kejatuhan Empayar Bani Abasiyah di bawah Khalifah Al-Mustashim Billah wajar direnungkan. Kisahnya bagaimana pemimpin dan pembesar di dalam negara yang tidak berpuas hati dan pentingkan diri, berpaling tadah - membantu menjayakan agenda pihak luar - yang akhirnya membawa padah amat dahsyat. Belajarlah daripada sejarah. Jadi siapa sebenarnya anda?

